



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 Februari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

TULAR VIDEO KENDERAAN ASING ISI RON95

KPDN **siasat** stesen minyak di Eco Botani

Oleh Azizi Majid
am@hmetro.com.my

Iskandar Puteri

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyiasat sebuah stesen minyak di Eco Botani di sini susulan penularan gambar di media sosial yang mendakwa berlaku pengisian petrol RON95 oleh kenderaan bernombor pendaftaran asing, kelmarin.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Johor Lilis Saslinda Pornomo berkata, pemeriksaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) stesen minyak berkenaan sudah dilakukan sebaik menerima maklumat berhubung penularan gambar.

Beliau berkata, berdasarkan pemeriksaan rakaman CCTV yang dibuat sebanyak dua kali, pihaknya dapati sebuah kereta Honda bernombor pendaftaran asing mengisi petrol di stesen minyak itu jam 3.05 petang.

"Semakan silang ke atas resit dan salinan pembelian juga mendapati pengisian membabitkan petrol RON95. Justeru, satu tindakan kes diambil mengi-



FOTO tular di media sosial yang mendakwa berlaku pengisian petrol RON95 oleh kenderaan bernombor pendaftaran asing di sebuah stesen minyak di Eco Botani, Iskandar Puteri.

kut pelanggaran Subperaturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki melanggar arahan Pengawal Bekalan iaitu larangan

penjualan RON95 kepada kenderaan berdaftar asing," katanya ketika dihubungi.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Beka-

lan 1961 dan jika disabitkan kesalahan, pesalah individu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

VIRAL INCIDENT

INVESTIGATION LAUNCHED INTO ECO BOTANIC PETROL STATION

Move comes after vehicle with Singapore registration plates was caught refuelling with subsidised RON95 at premises

AZIZI MAJID
ISKANDAR PUTERI
news@nst.com.my

A PETROL station in Eco Botanic is under investigation after a Singapore-registered vehicle was caught refuelling with subsidised RON95 petrol on Sunday.

Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Lilis Saslinda Pornomo said the ministry launched a probe after images of the incident circulated on social media.

"A check of the station's closed-circuit television footage was carried out upon receiving information on the viral images.

"Based on the review, we found that a Honda Spada bearing foreign registration plates refuelled at the station at 3.05pm."

Subsidised RON95 fuel is strictly reserved for Malaysian-registered vehicles.

Lilis said cross-checks of receipts and transaction records

“Based on the review, we found that a Honda Spada bearing foreign registration plates refuelled at the station at 3.05pm.

LILIS SASLINDA PORNOMO

Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry director

confirmed the fuel dispensed was RON95.

"A case has been opened under Subregulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974 for suspected violation of the Controller of Supplies' directive, which prohibits the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles."

Lilis said the investigation is being carried out under the Control of Supplies Act 1961.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Fadillah melawat reruai jualan dan pameran pada Majlis Perasmian Persidangan Ekonomi Halal Antarabangsa 2026 di Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

Dasar Halal Negara dijangka siap Mei

Panduan strategik bina ekosistem inklusif, terancang tanpa jejaskan kuasa pensijilan JAKIM dan MAIN

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Bangi: Pembangunan Dasar Halal Negara (DHN) kini berada di fasa akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei ini, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dasar itu akan menjadi panduan strategik bagi membina ekosistem halal yang inklusif, terancang dan mampan, tanpa menjejaskan kuasa pensijilan sedia ada di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Beliau berkata, usaha juga sedang dilaksanakan bagi memperluas skop akreditasi ISO/IEC 17065 bagi pensijilan halal Malaysia selepas kejayaan JAKIM memperoleh akreditasi itu sejak 2019, yang meletakkan ia sebagai badan pensijilan bertaraf antarabangsa dalam pengesanan produk, proses dan perkhidmatan.

"Usaha ini membolehkan urusan pensijilan halal Malaysia memenuhi piawaian global dan diterima di peringkat antarabangsa."

"Kerajaan melalui JAKIM juga sedang menyusun gerak kerja ke arah pelaksanaan standard halal OIC/SMITC 2 (Penilaian Pematuhan dan Keperluan bagi Badan Pensijilan Halal) yang dapat me-

ngurangkan halangan perdagangan dan memudahkan perdagangan rentas sempadan, sekaligus meningkatkan eksport halal negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Ekonomi Halal Antarabangsa (IHEC) 2026 dan melancarkan Pembangunan Ekonomi Islam Dunia (WIED) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi IHEC 2026, Tan Sri Dr Mohd Yusof Md Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif WIED, Datuk Seri Abdul Rani Osman.

Iktiraf 92 badan pensijilan halal dari 48 negara

Bagi memperkukuh peranan dan kredibiliti pensijilan halal negara di peringkat antarabangsa, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata Malaysia turut mengiktiraf 92 badan pensijilan halal luar negara dari 48 negara, yang menggariskan kepatuhan penuh terhadap aspek syariah, keselamatan, kebersihan dan prosedur audit.

"Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh ekosistem halal negara melalui pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal (HIMP) 2030, yang menyasarkan nilai industri halal Malaysia meningkat kepada RM231.1 bilion menjelang tahun 2030, dengan nilai eksport halal negara disasar mencecah RM70 bilion dan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 10.8 peratus."

Dalam memastikan integriti logo halal terpelihara, Fadillah, berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan pemantauan dan kawal selia yang tegas terhadap penggunaan logo halal yang sah, termasuk mengambil

tindakan terhadap penyalahgunaan logo halal atau penandaan halal tanpa pensijilan yang sah.

Dari 2023 hingga 2025, sebanyak 182 kes direkodkan, dengan nilai rampasan lebih RM4.46 juta, selain siasatan terhadap 552 aduan berkaitan isu halal dalam tempoh sama.

"Penguatkuasaan yang tegas di pihak KPDN ini bertujuan memastikan produk halal di pasaran mematuhi undang-undang halal yang ditetapkan, sekali gus menjamin integriti logo halal Malaysia," katanya.

Fadillah berharap WIED dapat berperanan sebagai platform penyelarasan global, memangkinkan kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan institusi kewangan serta memacu pembangunan ekonomi halal yang berstruktur, beretika dan mampan.

"Penubuhan WIED adalah inisiatif strategik yang dirancang bagi mengisi jurang dalam landskap ekonomi Islam dan halal global yang masih bersifat berpecah-pecah serta memerlukan penyelarasan yang lebih berwibawa dan berfokus kepada pembangunan ekonomi sebenar," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mohd Sabirin Mohd Sarbini, berkata tanggapan bahawa pensijilan halal bukan satu keperluan atau sesuatu yang mendesak menjadi antara faktor yang menyebabkan sebahagian besar pengusaha Bumiputera di negara ini tidak memohon pensijilan halal daripada JAKIM.

Ketika ini, katanya, sebanyak 78 peratus pemegang sijil halal JAKIM terdiri daripada pengusaha bukan Bumiputera, menunjukkan penguasaan pengusaha Bumiputera dalam industri halal masih rendah.

Pembangunan DHN dijangka siap Mei ini

Bangi: Pembangunan Dasar Halal Negara (DHN) kini berada di fasa akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, dasar itu akan menjadi panduan strategik bagi membina ekosistem halal yang inklusif, terancang dan mampan tanpa menjejaskan kuasa pensijilan sedia ada di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Menurutnya, usaha juga sedang dilaksanakan bagi memperluaskan skop akreditasi ISO/IEC 17065 bagi pensijilan halal Malaysia selepas kejayaan JAKIM memperoleh akreditasi itu pada 2019 yang meletakkan ia sebagai badan pensijilan bertaraf antarabangsa dalam pengesahan produk, proses dan perkhidmatan.

"Usaha ini membolehkan urusan persijilan halal Malaysia memenuhi piawaian global dan diterima di peringkat antarabangsa.

"Kerajaan melalui JAKIM juga sedang menyusun gerak kerja ke arah pelaksanaan standard halal OIC/SMIIC 2 (Penilaian Pematuhan dan Keperluan bagi Badan Pensijilan Ha-



FADILLAH Yusof (tengah) bergambar kenangan pada Persidangan Ekonomi Halal Antarabangsa (IHEC) 2026.

lal) yang dapat mengurangkan halangan perdagangan dan memudahkan perdagangan rentas sempadan sekali gus meningkatkan eksport halal negara," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Ekonomi Halal Antarabangsa (IHEC) 2026 dan melancarkan Pembangunan Ekonomi Islam Dunia (WIED), di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi IHEC 2026, Tan Sri Dr Mohd Yusof Md Noor.

Bagi memperkukuh peranan dan kredibiliti pensijilan halal negara di peringkat antarabangsa, Fa-

dillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, Malaysia turut mengiktiraf 92 badan pensijilan halal luar negara dari 48 negara yang menggariskan kepatuhan penuh terhadap aspek syariah, keselamatan, kebersihan dan prosedur audit.

"Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh ekosistem halal negara melalui pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal (HIMP) 2030 yang menyasarkan nilai industri halal Malaysia meningkat kepada RM231.1 bilion menjelang tahun 2030,

dengan nilai eksport halal negara disasar mencecah RM70 bilion dan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 10.8 peratus," katanya.

Dalam memastikan integriti logo halal terpelihara, Fadillah berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan pemantauan dan kawal selia yang tegas terhadap penggunaan logo halal yang sah termasuk mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan logo halal atau penandaan halal tanpa pensijilan sah.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 FEBRUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Feb	More checks for price data as app aids wise spending	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2026/02/03/more-checks-for-price-data-as-app-aids-wise-spending	THE STAR
4-Feb	NST Leader: Of subsidised goods and leakages	https://www.nst.com.my/opinion/leaders/2026/02/1370091/nst-leader-subsidised-	NST
4-Feb	Ops Tiris Highlights Scale Of Leakages With Seizures Of Nearly RM179 Million	https://malaysiantribune.com/ops-tiris-highlights-scale-of-leakages-with-seizures-of-	MALAYSIAN TRIBUNE
4-Feb	Pemandu kereta Singapura tak kisah ditularkan sebab isi RON95 - "Tiada siapa kata haram untuk dibeli"	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2026/02/03/pemandu-kereta-singapura-tak-kisah-ditularkan-sebab-isi-ron95---tiada-siapa-kata-haram-untuk-dibeli	MSTAR
4-Feb	Another Singapore Car Caught Pumping Subsidised RON95 In Johor	https://www.carz.com.my/2026/02/another-singapore-car-caught-pumping-subsidised	CARZ
4-Feb	Probe launched after Singapore-registered vehicle caught pumping RON95 in Iskandar Puteri	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2026/02/1370237/probe-launched-after-singapore-registered-vehicle-caught-pumping-	NST
4-Feb	"Kira Kos Bernafas Sekali Ke?" – Ramai Persoal Peniaga Jual 3 Biji Popia RM18.90	https://www.therakyatpost.com/trpbm/2026/02/03/kira-kos-bernafas-sekali-ke-ramai-persoal-peniaga-jual-3-biji-popia-rm18-90/	THE RAKYAT POST

4-Feb	RM179 juta berjaya diselamatkan, Ops Tiris bukti Kerajaan MADANI perang penyelewengan subsidi	https:// harapandaily.com/2026/02/03/ rm179-juta-berjaya-diselamatkan-ops-tiris-bukti-kerajaan-madani-perang-penyelewengan-subsidi/	HARAPAN DAILY
4-Feb	Wanita buktikan RM150 cukup untuk beli barang dapur sebulan, 2 orang makan! Ini strategi, perinciannya	https://www.mstar.com.my/ xpose/myr/2026/02/02/wanita-buktikan-rm150-cukup-untuk-beli-barang-dapur-sebulan-2-orang-makan-ini-strategi-perinciannya	WWW.MST DAILY